

Status MySejahtera Najib berubah dua kali

BH-14/12/2021 w/di 22

Kuala Lumpur: Perbicaraan kes Datuk Seri Najib Razak membabitkan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dilapangkan semalam berikutan perubahan dua kali pada status MySejahtera bekas Perdana Menteri itu.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Collin Lawrence Sequerah, menengguhkan perbicaraan kepada hari ini selepas dimaklumkan status MySejahtera Najib diletakkan di bawah 'individu dalam pemantauan' (PUS).

Peguam Datuk Hariharan Tara Singh yang mewakili Najib, berkata walaupun anak guamnya melakukan ujian rapid antigen kit (RTK) dan sudah mengemas kini MySejahtera seperti diarahkan mahkamah, namun status profilnya masih belum berubah.

"Berdasarkan garis panduan Kementerian Kesihatan (KKM), jika mempunyai kontak rapat atau kasual, anda perlu menjalani kuarantin 10 hari.

"Mereka perlu melakukan kuarantin sendiri sebagai tanggungjawab sosial. Itu adalah prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Terdahulu, sebaik tiba di pekarangan mahkamah, status MySejahtera Najib dan peguam utamanya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah masing-masing diletakkan sebagai 'PUS' dan 'kontak kasual'.

Selepas menekan semula profil masing-masing, status Najib dan Muhammad Shafee bertukar biru, menandakan sebagai 'risiko rendah' serta dibenarkan memasuki mahkamah.

Bagaimanapun, sebaik berada dalam kamar mahkamah dan diminta mengemas kini profil mereka, status MySejahtera masing-masing berubah kepada 'PUS' dan 'kontak kasual', Najib dan Muhammad Shafee kemudian diarah meninggalkan mahkamah.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib memberitahu mahkamah, dua saksi yang akan memberi keterangan pada perbicaraan itu iaitu bekas Pengerah dan Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd Bakke Salleh serta Pegawai Khas Najib, Datuk Wan Ahmad Shihab Ismail Wan Ismail, tidak dapat hadir ke mahkamah.